



## **KISAH KEJAYAAN** **SUKU TAHUN KEDUA 2016**

### **PUSAT INTERNET 1 MALAYSIA KG SEPERI**

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
<b>Name of PI1M Nama PI1M</b>	Pusat Internet 1 Malaysia Kg Seperi
<b>Location Lokasi</b>	Bengkel Kraftangan Kg Seperi 71650 Titi, Jelebu, Negeri Sembilan. (Wilayah Tengah)
<b>Name of person(s) Nama</b>	Encik Alhamdulillah bin Manshor
<b>Details of person (s) Butiran diri</b>	<p><i>Age, gender, education level, occupations Umur, jantina, taraf pendidikan, pekerjaan.</i></p> <p>Umur : 26 Tahun Jantina : Lelaki Pekerjaan :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemilik Alham Hair Care</li> <li>• Manager Manshor's Kopitiam</li> </ul>
<b>Success story Kisah kejayaan</b>	<p>1. <i>How did you use the internet to achieve your success, please elaborate your story Bagaimana anda menggunakan internet untuk mencapai kejayaan anda, sila huraikan cerita anda</i></p> <p>Saya merupakan pemilik Alham Hair Care iaitu produk penjagaan rambut dan selalu berkunjung ke PI1M Kg. Seperi untuk mencari maklumat berkaitan dengan urusan kerja serta membuat promosi di laman sosial. Segala maklumat yang diperlukan mudah untuk didapati kerana PI1M mempunyai capaian internet yang laju. Oleh sebab itu, segala urusan kerja saya dapat diselesaikan dengan mudah dan cepat. Walaupun saya kurang mahir dalam menggunakan komputer untuk membuat urusan kerja, saya mendapatkan tunjuk ajar daripada pengurus dan penolong pengurus yang bertugas tentang penggunaan komputer dan internet. Di samping itu, PI1M Kg Seperi sangat selesa untuk saya membuat urusan kerja berbanding di cyber cafe yang bising dan kadar bayaran yang dikenakan agak mahal.</p> <p>2. <i>How did your life improved after learning how to use the internet</i></p>

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
	<p><i>Bagaimana anda memperbaiki hidup anda setelah mempelajari cara penggunaan internet.</i></p> <p>Saya berkunjung ke Pi1M Kg. Seperi untuk melayari internet dan membuat urusan kerja terutamanya membuat promosi di laman web, fb dan twitter mengenai produk-produk terbaru yang dikeluarkan. Dengan kemudahan ini, saya dapat menerima tempahan yang agak ramai daripada pelanggan-pelanggan di laman sosial untuk membeli produk penjagaan rambut yang dikeluarkan oleh saya. Tambahan pula, saya juga dapat memuat naik gambar semua testimoni-testimoni yang menggunakan produk saya ke dalam laman sosial untuk panduan kepada pelanggan.</p>
<b>Keterangan gambar Photo caption</b>	<p><i>Describe activity and person(s) in every photo provided Huraikan aktiviti dan orang pada setiap gambar yang telah disediakan.</i></p>  <p>Kelas belajar membuat pengiraan menggunakan Microsoft Excel</p>

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
	
	<p>Antara produk yang dijual oleh En Alhamdulillah Manshor</p> 

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
	
	<p data-bbox="633 874 1383 941">Segala produk dan promosi di buat di dalam website Alham Group</p> 
<b>Feedback Maklumbalas</b>	<p data-bbox="612 1649 1281 1717">1. <i>What was your first impression towards PI1M?</i>  <i>Apakah pandangan pertama anda terhadap PI1M?</i></p> <p data-bbox="654 1748 1334 1883">Saya merasakan PI1M adalah pusat sehenti yang menyediakan pelbagai kemudahan dan perkhidmatan untuk warga setempat terutamanya penduduk di luar bandar.</p>

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
	<p>2. <i>What attracted you to come and use the facilities in PI1M?</i>  <i>Apakah tarikan utama anda untuk datang dan menggunakan kemudahan di PI1M?</i></p> <p>Di samping persekitaran PI1M yang sangat selesa dan bersih ,terdapat banyak kemudahan lain yang disediakan iaitu melayari internet, mencetak, laminating dan sebagainya. Dengan adanya perkhidmatan yang disediakan di PI1M, saya tidak perlu lagi ke Cyber Cafe untuk membuat urusan kerja. Selain itu, antara tarikan utama saya ke PI1M Kg Seperi adalah kerana kadar bayaran yang dikenakan kepada pelanggan agak murah berbanding di Cyber Cafe. Tambahan pula, setiap ahli yang berdaftar mendapat kemudahan untuk melayari internet secara percuma selama 1 jam untuk 90 hari yang mana saya percaya kemudahan ini tidak terdapat di mana-mana Cyber Cafe.</p> <p>3. <i>How can PI1M help others to be successful?</i>  <i>Bagaimanakah cara PI1M dapat membantu bagi mencapai kejayaan individu/kumpulan lain?</i></p> <p>PI1M sangat membantu terutamanya kepada golongan usahawan macam saya yang tiada kemudahan internet di rumah untuk memuat naik atau membuat iklan di laman sosial terutamanya kerana pelanggan saya kebanyakannya membuat pembelian secara atas talian . Tambahan pula, cyber cafe terletak jauh di pekan dan menawarkan perkhidmatan untuk mencetak yang agak mahal berbanding dengan PI1M. Selain itu, saya juga banyak mendapat tunjuk ajar daripada petugas PI1M tentang cara-cara untuk membuat iklan atau memuat naik gambar di laman sosial serta mengikuti kelas-kelas keusahawanan dan ICT yang disediakan oleh pihak PI1M.</p> <p>4. <i>Can you suggest improvement to be made to PI1M? (facilities, training activities, promotions, etc)</i>  <i>Berikan cadangan dan pandangan bagi menambahbaik PI1M? (kemudahan, aktiviti latihan / kursus, promosi dan lain-lain.</i></p> <p>Perkara yang paling utama sekali ialah dengan membuat iklan-iklan di dada-dada akhbar, stesyen televisyen, radio dan laman sosial tentang kewujudan perkhidmatan PI1M kepada warga Malaysia. Hal ini demikian kerana ramai penduduk di Malaysia masih tidak mengetahui kewujudan dan fungsi PI1M ditubuhkan. Usaha murni pihak kerajaan dalam memajukan penduduk di luar bandar terutamanya</p>

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
	wajar dipandang serius dan berterima kasih kepada pihak kerajaan kerana dengan adanya PI1M, penduduk setempat dapat mendapatkan perkhidmatan dan kemudahan dengan cepat dan selesa. Selain itu, promosi mengenai PI1M juga perlu dipergiatkan lagi supaya dapat menarik minat ramai lagi penduduk setempat untuk berkunjung ke sini untuk mendapatkan kemudahan dengan melayari internet dan perkhidmatan-perkhidmatan lain yang telah disediakan.